

# Ibu tunggal didenda RM8,000, miliki produk tidak berdaftar dengan KKM

**KUCHING:** Seorang ibu tunggal dijatuhi hukuman denda RM8,000 atau tiga bulan penjara di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki produk tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar menjatuhkan hukuman itu terhadap Crystal Oon Ming Hsia, 42, yang didakwa mengikut Peraturan 7(1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Kesalahan di bawah Peraturan 30(1) peraturan yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952 itu membawa

hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau keduanya sekali, manakala bagi kesalahan berulang, boleh didenda sehingga RM50,000.

Mengikut pertuduhan, wanitaitudidakwamemilikiDHNP Vitamin C Injection (Ascorbic Acid 10g/20ml); Luthione Injection 1200mg (Glutathione (Reduced) 1200mg) dan Cindella IV Injection (Thioctic Acid 25mg/5ml) yang tidak berdaftar.

Kesalahan itu dilakukannya pada 10 Disember 2024 kira-kira jam 10.30 pagi di sebuah klinik kecantikan di Jalan Datuk Bandar Mustapha, di sini.

Terdahulusemasaprosiding, peguam yang mewakili tertuduh merayu agar mahkamah mengenakan hukuman ringan atau denda minimum dengan mengambil kira bahawa anak guamnya tidak mempunyai rekod kesalahan lampau.

Menurutnya, tertuduh menzahirkan rasa kesal dan berjanji tidak akan mengulangi kesalahan tersebut.

Beliau turut memaklumkan bahawa tertuduh merupakan ibu tunggal yang mempunyai dua anak masih kecil untuk ditanggung serta bergantung sepenuhnya kepada pendapatan tertuduh sebagai satu-satunya pencari nafkah keluarga.